

Headline **Statistik pilu jadi iktibar**
Date **31 May 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **24**
Article Size **618 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,373**
PRValue **16,119**



Statistik pilu jadi iktibar

Tanggal 15 Mei setiap tahun, sumbu lilin dinyalakan memperingati mangsa HIV/AIDS seluruh dunia yang telah bertemu ajal.

SETAKAT ini seramai 13,000 orang rakyat Malaysia mati lantaran virus rentan penyakit atau lebih dikenali HIV.

Akibat sindrom kurang daya tahan penyakit itu jugalah 91,000 rakyat Malaysia dilemparkan dengan stigma negatif lantaran hidup dengan HIV.

Namun, dalam memastikan stigma itu dikikis selain menyebarkan sebanyak mungkin kesedaran mengenai kaedah menjauhi HIV, ramai yang sanggup ke depan untuk bergelar pejuang HIV/AIDS.

Sebagai mengenangkan pemergian insan-insan yang telah pergi meninggalkan fana dunia untuk menghadap Ilahi, Sambutan Hari Memperingati Pejuang HIV diadakan di 115 buah negara seluruh dunia pada tanggal tarikh 15 Mei saban tahun sejak 1983.

Touching Lives mengambil tempat sebagai tema sambutan tahun ini, selari dengan mesej yang hendak dihubungkan kepada orang ramai bahawa HIV sebenarnya telah dan boleh menyentuh kehidupan kita sama ada sedar mahu pun tidak.

Seks penyebab utama

Menurut Presiden Yayasan Pink Triangle (PT) Malaysia, Hisham Hussein, sambutan itu memberi peluang kepada seluruh komuniti memperingati 13,000 orang rakyat Malaysia yang telah mati akibat HIV.

“Lilin akan dinyalakan sebagai simbolik untuk memperingati pejuang HIV yang telah tewas terdahulu.

“Atas dasar ini, sokongan daripada diri sendiri, keluarga dan komuniti sekeliling diperlukan untuk membantu golongan yang kini telah dijangkiti HIV seberapa terdaya,” kata aktivis penuh antusias itu.

Dalam pertemuan sulung penulis bersama Hisham, kebimbangannya kini tertumpu kepada perubahan trend penularan wabak HIV kepada orang ramai.

Ujarnya, seks adalah penyebab utama epidemik HIV di Malaysia kini berikutan sikap sambil lewa segelintir individu yang tidak melindungi diri ketika melakukan hubungan seks.

“Sepatutnya, kita semua perlu bertanggungjawab ke atas diri kita sendiri. Kita tidak tahu sama ada kita punyai virus itu atau pasangan kita yang miliknya. Oleh itu langkah perlindungan seperti pemakaian kondom dengan betul perlu diamalkan,” getusnya.

Kaedah jangkitan melalui seks ceritanya kini mencatatkan kadar setinggi 48.5 peratus berbanding penularan melalui perkongsian jarum suntikan atau penagihan dadah iaitu 47.6 peratus.

“Anda adalah siapa diri anda dan apa yang anda lakukan itu sebenarnya lebih utama, pasang nawaitu dengan betul supaya boleh membantu diri sendiri dan orang sekeliling,” pesan Hisham menyeru komuniti yang dijangkiti agar bekerjasama menghalang daripada merebaknya HIV.

Yayasan PT antara lainnya turut membekalkan ujian pengesanan HIV percuma yang menekankan aspek kerahsiaan dalam setiap sesi rawatan.

“Jika pesakit positif kuman HIV, khidmat kaunseling secara percuma akan diberikan tiga kali seminggu di dua pusat berasingan iaitu di Sungai Buloh dan di

Jalan Tunku Abdul Rahman,” bicaranya yang bimbang akan penularan wabak HIV melalui kegiatan seksual golongan biseksual.

Ujarnya, jangkitan menerusi kecenderungan hubungan kelamin antara kedua-dua jantina yang berbeza lebih tinggi risikonya berbanding pasangan gay, mak nyah dan pekerja seks.

“Kita sebenarnya tidak sedar golongan biseksual lebih ramai bilangannya berbanding homoseksual atau heteroseksual maka, dengan jumlah ini juga kadar jangkitan HIV lebih tinggi dan cepat menular,” ulasnya ketika ditemui penulis

Headline **Statistik pilu jadi iktibar**
Date **31 May 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **24**
Article Size **618 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,373**
PRValue **16,119**

di Majlis Sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia baru-baru ini.

Sebaran AIDS nelayan

Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Noorul Ainur Mohd. Nor pula pada masa yang sama menyeru wanita mengambil inisiatif sendiri untuk melengkapi pengetahuan mengenai cara perebakan virus HIV.

"Wanita sendiri perlu sedar dan diberi kesedaran supaya berhati-hati serta bersedia untuk berdepan dengan cabaran penyakit ini yang kadangkala merebak tanpa disedari," tegasnya dengan memberikan contoh kawasan perkampungan nelayan negeri Pantai Timur yang kini diancam HIV berpandukan kajian terbaru.

Katanya, ada antara golongan nelayan lelaki di pesisir pantai yang berkongsi-kongsi pasangan tanpa perlindungan seks yang akhirnya menjarahkan virus HIV kepada isteri dan keluarga sendiri.

Berlandaskan fakta terkini itu juga, Noorul Ainur menjelaskan, pihaknya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian telah mengandakan usaha mengekang bahana itu.

"Kita telah menempatkan pegawai khas di kawasan-kawasan pedalaman untuk mendidik masyarakat bukan sahaja golongan wanita bahkan, lelaki yang juga menjadi punca menularnya HIV menerusi hubungan kelamin tanpa perlindungan," hurainya mengenai inisiatif holistik yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Harapannya, tiada lagi stigma yang masih melekat dalam sanubari orang ramai berkenaan isu HIV dan AIDS.
- **KHAIRUL AMRI HASSAN dan IZYAN LIYANA DARIF**



Kumpulan Sokongan HIV/AIDS di Malaysia

1. PT Foundation

■ Yayasan PT adalah sebuah pertubuhan komuniti terbesar yang menyediakan maklumat, pendidikan dan servis berkaitan HIV/AIDS dan seksualiti di Malaysia sejak tahun 1987.

■ Lima komuniti utama di bawah penyelenggaraan Yayasan PT adalah:

- Pesakit HIV yang masih hidup
- Penagih dadah
- Pekerja seks
- Mak nyah (*transgender*)
- Lelaki yang melakukan hubungan seks sesama jantina (MSM)

■ Yayasan PT dibuka dari hari Isnin hingga Jumaat pada pukul 10 pagi hingga 6 petang dan terletak di Alamat: No. 7C/1, Jalan Ipoh Kecil, Off Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

■ Maklumat lanjut hubungi **03-4044 4611** atau laman sesawang www.ptfmalaysia.org.

2. Program Sihat Tanpa AIDS (Prostar), Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

■ Pembimbing Rakan Sebaya Prostar yang terdiri daripada remaja terlatih, bertindak sebagai pemberi maklumat, membimbing serta mendidik remaja lain mengenai HIV/AIDS dan isu-isu berkaitan gejala sosial serta HIV/AIDS. Maklumat lanjut di

www.prostar.gov.my.

3. Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (Pernim)

■ Pernim yang ditubuhkan pada tahun 2006 merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang berperanan membela nasib anak-anak pesakit HIV/AIDS terutama anak-anak terbiar yang kehilangan ibu bapa akibat AIDS dan anak-anak yang tiada waris.

■ Pernim bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada mereka, menguruskan rawatan yang berterusan di hospital dan klinik kerajaan, memberikan pendidikan dan asas keagamaan dan sebagainya.

4. Majlis Aids Malaysia (MAC)

■ Majlis AIDS Malaysia ditubuhkan pada tahun 1992 untuk berkhidmat sebagai payung organisasi bagi menyokong dan menyelaras hasil usaha kerja organisasi-organisasi pada isu-isu HIV/AIDS di Malaysia.

■ MAC bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan organisasi-organisasi antarabangsa untuk memastikan satu tindakan yang komited dan berkesan kerja-kerja yang dilakukan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) tentang isu-isu HIV/AIDS di Malaysia.

5. Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih)

■ Pengasih Malaysia adalah sebuah badan tersendiri yang berpengalaman lebih daripada 20 tahun di dalam membantu dan memulih lelaki, wanita, tua, muda, dalam dan di luar negara melalui pendekatan Komuniti Terapeutik.



YAYASAN Pink Triangle turut menyambut Hari Memperingati AIDS Sedunia di Kuala Lumpur.

Headline **Statistik pilu jadi iktibar**
Date **31 May 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**


Language **Malay**
Page No **24**
Article Size **618 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,373**
PRValue **16,119**



HISHAM



NOORUL AINUR



SEKS kini menjadi penyumbang utama penularan virus HIV di Malaysia.